



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

HGW372E

GEOGRAPHY OF ASEAN AND ASIA PACIFIC COUNTRIES

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

TAJUK :

Masalah persempadanan negara-negara ASEAN telah membawa konflik kepada rantau ZOPFAN ini. Bincangkan isu berkaitan persempadanan antara negara **Malaysia - Singapura** dan bagaimanakah kerajaan Malaysia dan Singapura menyelesaikan masalah isu sempadan ini.

NAMA

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI

136361

NAMA PENSYARAH

PROF. DR. SURIATI BINTI GHAZALI

TARIKH PENGHANTARAN

18 MEI 2020

PENGENALAN


Secara umumnya, sesebuah negara sememangnya tidak dapat berdiri sendiri dan setiap negara di dunia ini saling bergantung antara satu sama lain. Oleh itu, setiap negara perlu mengambil inisiatif dengan mengadakan kerjasama serantau yang baik dengan negara jiran yang lain. Kerjasama serantau menurut Rajendran (1985), adalah sebuah unit gabungan antara negara dalam membentuk sebuah pertubuhan yang besar dalam kalangan negara jiran. Tambahan lagi, gabungan ini akan menghasilkan satu bentuk kerjasama yang memberikan manfaat yang besar kepada negara di dalam unit gabungan itu. Salah satu bentuk kerjasama serantau yang wujud antara negara-negara khususnya negara di Asia Tenggara ialah Persatuan Negara-Negara di Asia Tenggara yang pada mulanya dibentuk oleh lima buah negara pendiri utama iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand pada 8 Ogos 1967 menerusi Deklarasi Bangkok (Mohamed Irwan, 2017). Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) adalah bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antara kerajaan dan memudahkan integrasi politik, ketenteraan, keamanan, pendidikan, ekonomi dan sosial dan budaya antara negara-negara yang terlibat. Sejak penubuhan ini, ASEAN telah memainkan peranannya sebagai sebuah pertubuhan serantau yang baik serta memberi kemakmuran kepada negara-negara Asia Tenggara.

Bagi memastikan ASEAN terus berkerjasama dengan baik tanpa campur tangan mana-mana negara anggota, ASEAN telah memperkenalkan Zon Aman, Bebas, dan Berkecuali atau *Zone of Peace, Freedom and Neutrality Declaration* (ZOPFAN) yang telah diisytiharkan pada 27hb November 1971, bertempat di Kuala Lumpur. Sebagai blok yang bersifat bukan komunis di Asia Tenggara, ASEAN berpegang kepada dasar berkecuali. ZOPFAN diperkenalkan adalah untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai satu rantau yang aman dan bebas dengan setiap negara anggota tidak akan campur tangan dalam negara-negara anggota ASEAN yang lain serta berkecuali daripada menyokong mana-mana blok kuasa besar (Michael, 2003).

Walau bagaimana pun, isu-isu seperti persempadanan sering berlaku antara negara-negara di dunia tidak terkecuali negara-negara dalam ASEAN. Isu persempadanan ini bukan sahaja dilihat dari aspek daratan bahkan juga dari aspek maritim dan udara. Sempadan adalah satu elemen yang sangat penting dalam kedaulatan sesebuah negara atau *political sovereignty* yang membolehkan kerajaan mempunyai kuasa untuk melakukan sebarang jenis tindakan ke atas wilayahnya tanpa


campur tangan asing. Secara umumnya, sempadan sesebuah negara dapat ditentukan melalui tembok atau pos imegresen antara dua negara. Namun demikian, dalam konteks maritim dan udara pula, sempadan sesebuah negara amat sukar untuk ditentukan dan dijelaskan kerana tidak wujud sebarang bentuk halangan seperti tembok dan sebagainya. Hal ini menambahkan kerumitan lebih-lebih lagi bagi negara yang berkongsi sempadan yang sama. Sama seperti Malaysia dengan Singapura, kedua-dua negara ini terletak berdekatan antara satu sama lain dan berkongsi maritim yang sama. Oleh itu, kehampiran antara kedua buah negara ini bukan sahaja menimbulkan masalah-masalah berkaitan maritim, tetapi juga sering timbulnya isu-isu lain yang sering mewujudkan ketidaksefahaman antara dua negara jiran ini.

Oleh itu dalam penulisan ini, penulis akan menjelaskan serba sedikit tentang konflik yang berlaku antara Malaysia dan Singapura akibat daripada persempadanan kedua-dua negara ini. Penulis juga akan mengupas langkah bagi kedua-dua negara ini mencari jalan penyelesaian dalam menyelesaikan konflik yang berlaku.



Gambar 1: Kedudukan Malaysia dan Singapura yang menunjukkan kehampiran antara dua negara ini

Sumber: *Google Earth Pro*



Gambar 2: Selat Johor menjadi sempadan pemisahan Malaysia dengan Singapura

Sumber: *Google Earth Pro*

KONFLIK DAN LANGKAH PENYELESAIAN MASALAH ANTARA MALAYSIA DENGAN SINGAPURA

A. ISU PEREBUTAN PULAU BATU PUTEH

Tidak lama selepas pembentukan Malaysia pada 1963, Singapura telah berhasrat untuk keluar dari gagasan ini untuk membentuk sebuah negara republik pada 9 Ogos 1965. Selama perpisahan hampir empat dekad ini, hubungan dua hala antara negara ini dibelenggu pelbagai jenis masalah. Isu-isu yang timbul ini sering kali mengganggu gugat kedua-dua negara ini. Antara isu yang menjadi pertikaian antara dua negara ini adalah tentang perebutan *Pedra Branca* (bahasa Portugis) atau lebih dikenali sebagai Pulau Batu Puteh (bahasa Melayu) (Nugroho Bangun Witono, 2006). *Pedra Branca* adalah sebuah pulau granit yang terletak di bahagian timur Selat Singapura berhadapan dengan Laut China Selatan. Pulau ini hanya terdiri daripada batu yang tidak mempunyai tumbuhan dan hidupan di atasnya (Wan Siti Adibah, 2011). *Pedra Branca* bersaiz 137 meter panjang, 60 meter lebar dan meliputi kawasan kira-kira 8,560 meter persegi ketika air surut. Pulau ini juga terletak kira-kira 24 batu nautikal ke arah timur Singapura dan 7.7 batu nautikal ke arah selatan negeri Johor, Malaysia (Sjayakumar dan Tommy Koh, 2009). Pulau ini disebut sebagai Pulau Batu Puteh kerana terdapat sekelompok burung camar laut yang mendiami pulau ini. Pulau yang memiliki keluasan sebuah padang bola sepak ini terdapatnya rumah api Horsburgh pada tunggul batu yang dibina oleh pihak British pada 1851.

Konflik perebutan Pulau Batu Puteh ini tercetus pada tahun 1980-an apabila negara Singapura menyuarakan bantahan rasmi mereka kepada Kuala Lumpur sebagai maklum balas terhadap terhadap peta Malaysia yang dikenali sebagai Sempadan Perairan Wilayah dan Kawasan Kontinental Malaysia atau *Territorial Waters and Continental Shelf Boundaries of Malaysia* yang telah diterbitkan pada 21 Disember 1979. Berdasarkan peta tersebut, Pulau Batu Puteh adalah sebahagian daripada Malaysia. Penyertaan Pulau Batu Puteh dalam peta Malaysia sebenarnya merupakan langkah sengaja yang diambil oleh para kartografer untuk menegaskan kembali kedaulatan Malaysia terhadap Pulau Batu Puteh yang selalu menjadi sebahagian dari Kesultanan Johor yang asli sejak zaman kuno (Kadir Mohamad, 2009). Senario ini merupakan titik permulaan perselisihan yang berlaku antara Malaysia dan Singapura selama hampir tiga dekad. Bukan itu

sahaja, dalam usaha merebut Pulau Batu Puteh, Malaysia dan Singapura juga terlibat dalam konflik hak dan kedaulatan ke atas *Middle Rocks* iaitu Batu Tengah dan *South Ledge* iaitu Tubir Selatan.

Menurut Wan Siti Adibah (2011), Singapura mendakwa bahawa Pulau Batu Puteh adalah *terra nullius* iaitu pulau yang tidak bertuan pada 1847. Malaysia menyangkal hujah Singapura dengan menyatakan bahawa pulau ini mempunyai tuan dan pemiliknya adalah Kesultanan Johor. Sebagai bukti, kerajaan Malaysia telah menekankan bahawa pulau ini kerap dikunjungi oleh golongan pelayar dan orang laut yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan Johor (Kadir Mohamad, 2009). Singapura juga membuktikan pada tahun 1847 sehingga 1851, Britain mempunyai pemilikan ke atas pulau ini tanpa perlu mendapat kebenaran sebarang Sultan tempatan. Malaysia sekali lagi menyangkal hujah tersebut dengan menyatakan Sultan dan Temenggong Johor memberi kebenaran kepada British melalui surat bertarikh 1844 kepada Gabenor Butterworth untuk membina dan mentadbir rumah api di pulau tersebut. Selain itu, Singapura mendakwa berjaya membuktikan dalam tempoh tersebut British memperoleh hak kedaulatan ke atas pulau ini dengan memenuhi syarat dua kriteria iaitu niat dan kegiatan yang menggambarkan British mempunyai hak kedaulatan. Malaysia tidak perlu mengemukakan sebarang bukti kukuh atau pentadbiran berkesan kerana Malaysia sememangnya telah mempunyai hak milik ke atas pulau tersebut. Akhir sekali, Singapura juga mendakwa pemangku setiausaha kerajaan Johor telah menulis surat rasmi kepada Singapura yang menyatakan bahawa Johor tidak menuntut hak milik pulau tersebut. Malaysia berhujah bahawa tindak-tanduk pegawai kerajaan itu dari segi undang-undang antarabangsa sama sekali tidak meninggalkan kesan, kuasa dan kepentingan dalam kes ini.

LANGKAH PENYELESAIAN ISU PEREBUTAN PULAU BATU PUTEH

Secara umumnya, negara-negara di Asia Tenggara menolak untuk menyelesaikan sengketa wilayah yang melibatkan institusi keadilan antarabangsa. Namun demikian, Malaysia telah mengambil keputusan untuk menyelesaikan pertikaian wilayah Pulau Batu Puteh melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau International Court of Justice (ICJ) (Azlie dan Geetha, 2019). Pada tahun 1994 ini, pemimpin Malaysia dan Singapura telah sepakat dan bersetuju untuk menyerahkan persoalan kedaulatan atas Pulau Batu Puteh ke ICJ untuk

pengadilan damai oleh pihak ketiga (Kadir Mohamad, 2009). Menerusi penyelesaian melalui mahkamah ini, pada 23 Mei 2008 ICJ memutuskan bahawa Singapura mempunyai hak ke atas Pulau Batu Puteh manakala Malaysia mempunyai hak ke atas Pulau Batu Tengah. Hak milik Pulau Tubir Selatan pula akan ditentukan mengikut sempadan perairan negara yang menguasainya (Wan Siti Adibah, 2011).

Dalam proses penghakiman tersebut, tuntutan Kesultanan Johor terhadap hak kedaulatan ke atas tiga pulau ini diiktiraf tetapi hakim mengambil kira bahawa lebih daripada 100 tahun Malaysia tidak melakukan sebarang tindakan yang menunjukkan hak ke atas pulau-pulau ini. Kegiatan Malaysia dalam proses pembinaan rumah api serta lampu selat, perkembangan perlembagaan Malaysia dan Singapura serta peraturan perikanan Johor pada 1860 tidak dapat membantu dalam memuktamadkan kes depan mahkamah. Malahan pihak mahkamah menerima tindakan Singapura seperti penyiasatan berhubung kapal karam dalam perairannya, tindakan Malaysia mendiamkan diri apabila Singapura mengibarkan benderanya di Pulau Batu Puteh, permohonan kebenaran pegawai Malaysia membuat kerja ukur di perairan pulau, pemasangan alat komunikasi tentera pada 1977, polisi dan cadangan kerja penambakan laut serta peta. Secara tidak langsung, Singapura mempunyai hak kedaulatan ke atas pulau tersebut sejak 1980 lagi. Selain itu, hakim merujuk surat Penolong Setiausaha kerajaan Johor pada 21 September 1953 kepada Singapura yang Johor tidak menuntut hak milik ke atas Pulau Batu Puteh secara tidak langsung mahkamah menganggap pengakuan tersebut adalah penyerahan kedaulatan pulau kepada Singapura (Wan Siti Adibah, 2011).

B. ISU AIR

Malaysia dan Singapura juga berdepan dengan konflik iaitu isu air yang sering kali menimbulkan perdebatan antara dua negara sehingga ke hari ini. Singapura adalah sebuah pulau yang sering mengalami masalah kekurangan bekalan air. Oleh itu, Singapura memulakan kerjasama dengan Johor pada awal abad ke 20 berkaitan dengan bekalan air. Kerjasama ini kemudiannya telah mengikat Singapura dan negeri Johor dalam Perjanjian Air 1927. Perjanjian ini kemudiannya diperbaharui pada tahun 1961 dan 1962. Melalui kerjasama yang termeterai ini, pihak Singapura telah menggunakan teknologi dan modal yang tinggi untuk membangunkan infrastruktur perbelakan air di Gunung Pulai dan Sungai Johor. Pertikaian antara kedua-dua negara ini tercetus apabila perbezaan tafsiran undang-undang iaitu apabila Malaysia menuntut untuk menyemak semula harga penjualan air kepada Singapura sebelum menandatangani perjanjian baru (Rizani Che Ismail et al., 2012).

Tindakan Malaysia untuk menyemak semula harga air ini adalah kerana harga air mentah yang dijual kepada Singapura terlalu rendah iaitu 3 sen per 1000 gelen dan tidak pernah dinaikkan semenjak tahun 1927. Walau bagaimanapun, Singapura menolak tuntutan Malaysia dengan menyatakan alasan Malaysia tidak melakukannya tindakan ini pada tahun 1986 dan 1987 (Lily Zubaidah Abdul Rahim, 1998). Justeru Singapura menegaskan lagi bahawa perjanjian air baru kedua-dua negara ini hanya boleh dibuat tanpa sebarang semakan harga di buat. Malaysia membantah sikap negara jiran ini dengan berpendapat bahawa semakan harga penjualan air boleh dilakukan bila-bila masa selepas tempoh 25 tahun berdasarkan Perjanjian Air 1961 dan 1962 (klausula 17 dan 14). Singapura pula menyangkal dengan menyatakan bahawa semakan perlulah dilakukan apabila genap 25 tahun maka berlakulah perbezaan pentafsiran klausula sama ada semakan ini boleh dijalankan selepas 25 tahun atau tidak. Singapura juga menolak atas alasan Malaysia pada mulanya telah menerima cadangan awal harga baru air pada 15 Ogos 2000, iaitu harga 45 sen bagi setiap 1000 gelen dan perjanjian baru selepas tahun 2061 (100 tahun, berakhirnya perjanjian air) semasa lawatan Lee Kuan Yew ke Malaysia. Singapura juga mendakwa bahawa Malaysia mengubah pendirian asalnya apabila Tun Mahathir mendakwa kerajaan Johor mencadangkan tiga bentuk harga baru iaitu 60 sen pada 7 Oktober 2002, RM3.00

selepas 2007 dan perjanjian disemak setiap lima tahun (Lily Zubaidah Abdul Rahim, 1998 dan Lee Poh Onn, 2004).

LANGKAH PENYELESAIAN ISU AIR

Sesuai dengan penubuhan ZOPFAN, penubuhan ini adalah bertujuan untuk membolehkan negara-negara ASEAN menyelesaikan konflik yang berlaku antara mereka melalui semangat perundingan dalam ASEAN. Dengan menggunakan pendekatan ini, krisis dan konflik yang berlaku dapat diselesaikan dengan baik dan selamat (Anthony, 2005). Dalam menyelesaikan masalah isu air, Malaysia dan Singapura telah menggunakan pendekatan rundingan sesama pihak. Bagi meredakan krisis yang berlaku, pada tahun 2001, Lee Kuan Yew telah melawat Kuala Lumpur dengan mengemukakan harga baru iaitu 45 sen bermula 2002 sehingga 2061 dan 60 sen tahun 2061 (Rizani Che Ismail et al., 2012).

Lee Kuan Yew juga turut menawarkan tawaran balas kerajaan Singapura iaitu 12 lot tanah di Bukit Timah untuk menggantikan tanah KTM bagi pembangunan bersama, pembangunan kompleks Imegresen dan Kastam (KIK) baru dan jambatan menggantikan Tambak Johor yang kosnya separuh akan ditanggung oleh kerajaan Singapura dengan syarat Malaysia bersetuju menjual air masa depan pada harga yang dicadangkan. Malaysia bersetuju pada mulanya dengan tawaran harga cadangan 45 sen setiap 1000 gelen beserta tawaran berpakej ini namun tindakan Perdana Menteri yang tetap mahukan tiga bentuk harga baru menimbulkan ketegangan antara dua pihak ini.

Sebagai reaksi, Malaysia menyatakan persetujuan dalam menetapkan harga air bukan berdasarkan kepada cadangan Singapura sahaja dan tetap dengan pendirian untuk membuat semakan harga air dan mengemukakan harga baru air. Keadaan ini semakin memanas sehingga menyebabkan rundingan air secara berpakej pada Oktober 2002 telah pun ditamatkan. Singapura juga telah bertindak untuk menarik semula tawaran yang diberikan kepada Malaysia termasuklah CPF (tabung simpanan pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura) dan tanah di KTM (Tanjong Pagar, Kranji, Keppel dan Woodlands). Tindakan Singapura ini semata-mata hendak menekan Malaysia dalam rundingan semakan dan perjanjian baru selepas tahun 2061. Ketegangan hubungan akibat tindakan provokasi kedua-dua negara ini menyebabkan rundingan harga air tertangguh sehingga pada hari ini. Meskipun kedua-dua negara ini masih mempunyai waktu yang panjang

untuk menyemak semula harga air kerana perjanjian 1962 hanya akan tamat kira-kira 50 tahun dari sekarang, namun perlanjutan bekalan air dari Malaysia ke Singapura sebenarnya tidak menentu. Malaysia juga secara tidak langsung terjejas akibat pertikaian isu air kerana terpaksa menanggung kerugian apabila menjual air pada harga 3 sen sehingga tahun 2061.

Terkini, menerusi Sinar Harian (2019) Malaysia dan Singapura akan meneruskan perbincangkan berkaitan Perjanjian Air 1962 dengan matlamat untuk mencari cara terbaik dalam menyelesaikan pertikaian yang berlarutan, kata Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah. Tambahan lagi, Menteri Luar berkata kedua-dua pihak menegaskan semula komitmen mereka untuk menyelesaikan isu dua hala menerusi cara yang membina dan menggalakkan usaha diplomatik yang berterusan untuk mencari penyelesaian terbaik bagi kepentingan bersama.

C. ISU PERBALAHAN RUANG UDARA

Satu lagi pertikaian yang berlaku antara Malaysia dengan Singapura apabila Menteri Pengangkutan Malaysia dilaporkan ingin merancang mengambil alih ruang udara yang didelegasikan kepada Singapura (Mavis Toh, 2018). Komen yang dibuat oleh Anthony Loke di parlimen ini adalah untuk menjawab pertanyaan mengenai pembangunan di daerah Pasir Gudang di Johor termasuk Pelabuhan Johor yang akan terganggu oleh rancangan Singapura untuk meningkatkan penerbangan komersial dari Lapangan Terbang Seletar. Kerajaan Malaysia dan Singapura sebelum ini telah bersetuju untuk menandatangani satu perjanjian yang menjadikan negara Republik ini sebagai penjaga ruang udara Selatan Johor untuk tujuan penyediaan kawalan trafik udara menerusi Surat *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departure and Overflight* pada tahun 1974 (OLOA 1974). Ketika OLOA 1974 ditandatangani, Kawasan Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur (FIR) masih di peringkat awal dan fasiliti Malaysia pada ketika itu tidak mencukupi. Oleh sebab itu, Penerbangan Awam Antarabangsa telah mencadangkan agar penjagaan ruang udara Selatan Johor ini diwakilkan kepada Singapura (Mary Victoria 2019).

Konflik antara dua negara ini tercetus apabila insiden pencerobohan ruang udara Pasir Gudang, Johor oleh pesawat Singapura ketika hendak mendarat di Lapangan Terbang Seletar, Singapura. Bagi mengurangkan kesesakan di Lapangan Terbang Changi, Singapura mencadangkan untuk membesarkan Lapangan Terbang Seletar. Kesan pembesaran Lapangan Terbang Seletar ini sudah pasti akan melibatkan prosedur penerbangan baru iaitu Tatacara Sistem Pendaratan Alatan atau *Instrument Landing System (ILS)* (Wordpress, 2019). Menerusi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (2019), Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa pada 1 Disember 2018, pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) telah menyiarkan ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication (SAIP)* yang akan berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019 tanpa mendapat persetujuan dari Malaysia. Hal ini demikian kerana, ILS ini dilihat akan menjejaskan pembangunan di kawasan ruang udara Pasir Gudang untuk jangka masa yang panjang kerana pesawat perlu terbang pada ketinggian rendah di kawasan Johor (Anais Aya, 2018). ILS ini bukan sahaja

dapat menjejaskan pembangunan di kawasan berkenaan, tetapi juga menjejaskan operasi perkapalan di Pelabuhan Pasir Gudang. Tambahan lagi, penyiaran ini juga bertentangan dengan prinsip hak kedaulatan negara yang diperuntukan di Convention on International Civil Aviation (International Civil Aviation Organization (ICAO), 1944).

Kesannya, pada 5 Disember 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menghantar nota bantahan kepada Singapura melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia. Nota bantahan ini adalah untuk mendesak supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam SAIP. Pada 12 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media yang menegaskan bahawa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) tidak pernah bersetuju mahu pun memberi sebarang kelulusan kepada CAAS terhadap penyiaran tersebut.

LANGKAH PENYELESAIAN ISU PERBALAHAN RUANG UDARA

Bagi menyelesaikan isu ruang udara ini, Malaysia telah memberi mencadangkan kepada Singapura antaranya mewujudkan satu alternatif bagi ILS iaitu Landasan 03 di bahagian selatan Lapangan Terbang Seletar tanpa melalui ruang udara Pasir Gudang. Pada 25 Disember 2018, CAAM telah menyiarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mewujudkan satu Kawasan Larangan Kekal (*Permanent Restricted Area*) atau lebih dikenali sebagai R.A di ruang udara Pasir Gudang, Johor (di antara 2000 hingga 5000 kaki) yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019. Kewujudan R.A ini adalah untuk membolehkan aktiviti ketenteraan dilaksanakan di kawasan tersebut. Hal ini juga dapat menghalang kemungkinan sebarang pencerobohan ruang udara kedaulatan negara.

Sejurus rundingan antara Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Singapura pada 8 Januari 2019, kedua-dua prosuder ILS dan R.A digantung secara serentak untuk tempoh sebulan agar penyelesaian terbaik dapat dicapai oleh kedua-dua pihak (Irwan Shafrizan, 2019). Pengantungan ini dilanjutkan lagi sehingga 31 Mac 2019 bagi membuka ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara CAAM dan CAAS. Selanjutnya, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu kumpulan kerja untuk membincangkan tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia

yang diwakilkan kepada Singapura melalui OLOA 1974. Terma rujukan bagi jawatankuasa ini sedang dirundingi oleh kedua-dua pihak.

Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018, 22 dan 23 Januari 2019 telah memaklumkan kepada Singapura berkenaan dengan rancangan untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya akan dilakukan secara berperingkat iaitu pada peringkat pertama dijangka sekitar tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada 2023. Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad berharap agar perkara tersebut dapat dicapai dalam tempoh masa antara 2019 sehingga 2023 ini (Firdaus Azil, 2019). Rancangan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyeleraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara pihak penyedia perkhidmatan pengemudian udara di kedua-dua negara demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, teratur dan cekap. Mary Victoria (2019) dalam My Metro juga menyatakan bahawa Malaysia dan Singapura bersetuju untuk kaji semula Surat Perjanjian Operasi 1974 tersebut dan mengendalikan ruang udara itu secara berperingkat. Menteri Pengangkutan bertindak sebegini kerana selama 45 tahun ruang udara diwailiki oleh Singapura, kini Malaysia memiliki fasiliti yang sesuai dan bersedia dari segi teknikal untuk melakukannya sendiri.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, isu persempadanan yang wujud antara dua negara sememangnya mendatangkan kesan yang buruk kerana isu-isu yang timbul akan mewujudkan suasana tegang antara dua negara yang terlibat. Hubungan dua hala negara Malaysia dengan Singapura terjalin dengan baik sejak dahulu lagi bahkan sehingga ke hari ini. Namun, kerjasama dan kehampiran antara dua negara jiran sering kali dilanda masalah bukan sahaja isu pertikaian Pulau Batu Puteh, isu air dan isu ruang udara, namun isu-isu lain seperti pembinaan jambatan menggantikan tambak Johor, projek rel berkelajuan tinggi dan lain-lain yang akhirnya membawa kepada perdebatan hebat dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Oleh itu, sebagai sebuah negara yang mempunyai entiti tersendiri, Malaysia dan Singapura hendaklah menyelesaikan isu-isu yang timbul dengan cara yang terbaik agar tidak melibatkan peperangan dan campur tangan kuasa yang lain. Rundingan secara baik adalah kaedah yang terbaik dalam menyelesaikan sesebuah masalah. Namun begitu, sungguh pun pada dahulunya Malaysia dan Singapura sempat menggunakan institusi antarabangsa ICJ untuk menyelesaikan masalah seperti perebutan Pulau Batu Puteh, kedua-dua negara ini hendaklah akur dan menerima segala keputusan undang-undang antarabangsa dengan hati terbuka agar hubungan bilateral antara negara jiran dan kestabilan rantau dapat dikekalkan.

BIBLIOGRAFI

- _____. (2019). Impak Tuntutan Ruang Udara Selatan Johor, Malaysia-Singapura. *Wordpress.com*. Diakses pada Mei 1, 2020 daripada <https://seribuombak.wordpress.com/2019/04/15/impak-tuntutan-ruang-udara-selatan-johor-malaysia-singapura/>
- _____. (2019). Malaysia, Singapura Terus Bincang Perjanjian Air 1962. *Sinar Harian*. Diakses pada April 20, 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/18061/BERITA/Nasional/Malaysia-Singapura-terus-bincang-perjanjian-air-1962>
- Anais Aya. (2018). Perebutan Ruang Udara, Sempadan Laut Malaysia-Singapura. *Apa Kata Orang*. Diakses pada April 29, 2020 daripada <https://apakataorang.com/perebutan-ruang-udara-sempadan-laut-malaysia-singapura/>
- Anthony, M.C. (2005). *Keselamatan Serantau di Asia Tenggara: di luar Jalan Asean*.
- Azlie Ismail dan Geetha Govindasamy. (2019). Tuntutan Undang-Undang dan Pendekatan Malaysia di dalam Kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca. *Akademika 89 (1)*. April 2019. (83-95)
- Firdaus Azil. (2019). Malaysia Sasar Ambil Semula Ruang Udara Selatan sebelum 2023. *Astro Awani*. Diakses pada Mei 1, 2020 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-sasar-ambil-semula-ruang-udara-selatan-sebelum-2023-203879>
- International Civil Aviation Organization (ICAO). (1944). Convention on Civil Aviation 7 December 1944, (1994) 15 U.N.T.S. 295. Diakses pada April 30, 2020 daripada <https://www.refworld.org/docid/3ddca0dd4.html>
- Irwan Shafrizan Ismail. (2019). Singapura Tarik Prosedur ILS, Malaysia Gantung R.A. *Berita Harian Online*. Diakses pada Mei 1, 2020 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/549478/singapura-tarik-prosedur-ils-malaysia-gantung-ra>
- Kadir Mohamad. (2009). *Malaysia's Territorial Disputes - Two Cases at the ICJ*. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR).
- Lee Poh Onn. (2004). *The Singapore-Malaysia Water Issue: Trade-Off And Alternatives*, 71-86. Singapore: ISEAS.
- Lily Zubaidah Rahim. (1998). *The Singapore Dilemma: Political And Educational Marginality Of The Malays*. Singapore: Oxford University Press.

- Mary Victoria Dass. (2019). Setuju Kaji Surat Perjanjian Operasi 1974. *My Metro*. Diakses pada April 30, 2020 melalui <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/446171/setuju-kaji-surat-perjanjian-operasi-1974>
- Mavis Toh. (2018). Malaysia Wants to Reclaim Airspace Delegated to Singapura. *Flight Global*. Diakses pada April 25, 2020 melalui <https://www.flightglobal.com/strategy/malaysia-wants-to-reclaim-airspace-delegated-to-singapore/130523.article>
- Menteri Pengangkutan Malaysia. (12 Mac 2019). *Pemberitahuan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas, Isu Konflik Ruang Udara Malaysia dan Singapura*.
- Michael, L. (2003). *Is ASEAN a Security Organisation?* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohamed Irwan Mansor. (2017). ASEAN sebagai Sebuah Pertubuhan Serantau (ASEAN as A Regional Organization). *Special Articles (December, 2017): 003 ISSN: 1823-884x*. (7)
- Nugroho Bangun Witono. (2006). Respon Singapura Terhadap Klaim Malaysia ke atas Pulau Pedra Branca. [Abstrak]. *Thesis (Skripsi)*. Universitas Airlangga. Diakses pada April 5, 2020 daripada <http://repository.unair.ac.id/15006/>
- Rajendran, M. (1985). *Asean's Foreign Relations*. Kuala Lumpur: Arena Buku. Singapura: Institut Pengajian Asia Tenggara.
- Rizani Che Ismail, Zaid Ahmad dan Azmi Awang. (2012). Pertikaian Malaysia-Singapura Dalam Isu Air. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies*. Vol. 39 (1) (July 2012). (178-186)
- Sjayakumar dan Tommy Koh. (2009). *Pedra Branca The Road to The World Court*. Singapore: NUS Press.
- Wan Siti Adibah Binti Wan Dahalan. (2011). Pulau Batu Puteh: Isu Pertikaian Hak Kedaulatan antara Malaysia dengan Singapura. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. (92). Diakses pada April 15, 2020 daripada <http://ejournal.ukm.my/juum/article/view/7540>